



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**INTERPRETASI PEMIKIRAN DAN PEGUNAAN PENGUNGKAPAN  
DALAM SAJAK-SAJAK DEWAN SASTERA**

**ARBA'IE BIN SUJUD.**

**FBMK 2004 9**

**INTERPRETASI PEMIKIRAN DAN TEKNIK PENGUNGKAPAN  
DALAM SAJAK-SAJAK *DEWAN SASTERA***

**ARBA'IE BIN SUJUD**

**DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2004**



**INTERPRETASI PEMIKIRAN DAN TEKNIK PENGUNGKAPAN  
DALAM SAJAK-SAJAK *DEWAN SASTERA***

**Oleh**

**ARBA'IE BIN SUJUD**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan  
untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Julai 2004**



## DEDIKASI

Buat kalian ahli keluarga  
Ibu  
dan  
bonda, ayahanda dan AKI  
yang tidak sempat menatap segulung penghormatan  
namun  
doa dan restu kalian  
mendokong azam  
membakar semangat  
sehingga tesis ini sempurna.

Untuk para guru  
yang berkorban masa  
melentur buluh  
selaut kasih dan jutaan terima kasih

Untuk isteriku  
Asiah Abdul Rahman  
dan  
puteri-puteriku  
Hannis  
Husna  
Hazween Ayumi  
yang sentiasa bersama  
sentiasa mengerti dan berkongsi segalanya  
ini  
adalah untuk kalian  
untuk  
semua teman  
terima kasih atas segalanya.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah

**INTERPRETASI PEMIKIRAN DAN TEKNIK PENGUNGKAPAN  
DALAM SAJAK-SAJAK *DEWAN SASTERA***

Oleh

**ARBA'IE BIN SUJUD**

**Julai 2004**

**Pengerusi : Hj. Ramli @`Sahari Bin Isin, Ph.D**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini dilakukan untuk melihat pemikiran dan teknik pengungkapan sajak-sajak dalam *Dewan Sastera* di sekitar tahun 1971 hingga 1999. Dalam menganalisis sajak-sajak yang dijadikan bahan kajian, peneliti menggunakan dua pendekatan iaitu pendekatan sosiologi sastera dan pendekatan stilistik. Objektif kajian ini adalah untuk melihat aspek pemikiran dan teknik pengungkapan, sajak-sajak dalam *Dewan Sastera*. Kajian terhadap aspek pemikiran ditumpukan kepada tiga aspek iaitu tentang sosiobudaya, sosiopolitik dan sosioekonomi.

Penganalisan terhadap sajak-sajak yang dikaji berhubung pemikiran sosiobudaya meliputi aspek moral, kepercayaan, pendidikan, penghargaan dan penghormatan serta sikap dan pandangan hidup. Dalam sosioekonomi pula, persoalan yang dikemukakan berhubung dengan kemiskinan dan penindasan, kesamarataan hak, dan pembangunan. Sementara, pemikiran yang berkaitan dengan sosiopolitik pula berkaitan dengan

persoalan pemimpin dan kepemimpinan, nasionalisme dan patriotisme serta peperangan dan perdamaian.

Penganalisisan terhadap aspek pemikiran menunjukkan bahawa, pemikiran yang diungkapkan oleh penyair dalam sajak mereka sama ada berhubung dengan sosiobudaya, sosiopolitik dan sosioekonomi mempunyai kaitan dengan isu-isu, fenomena-fenomena atau peristiwa-peristiwa yang berlaku di persekitaran mereka. Justeru, dalam sajak yang dikaji wujud persamaan pemikiran antara penyair dalam dekad kajian. Hal ini kerana sumber dan latar yang diperoleh atau yang menjadi rujukan penyair adalah hampir sama.

Kajian berhubung dengan teknik pengungkapan pula, difokuskan kepada empat teknik. Teknik tersebut ialah teknik perulangan, teknik penyimpangan, teknik tuturan dan teknik penceritaan. Penerapan teknik-teknik tersebut bukanlah dilakukan pada keseluruhan sajak tetapi hanya pada bahagian-bahagian atau keadaan tertentu sahaja. Ini bermakna, penggunaan sesuatu teknik itu tidaklah bersifat terpisah sebaliknya penerapannya dilakukan secara gabungan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa penerapan teknik sama ada secara tersendiri atau gabungan, telah menghasilkan bentuk luaran sesebuah sajak. Bentuk luaran atau visual yang dapat dilihat ialah bentuk terikat, bentuk bebas dan juga bentuk konkrit. Bentuk visual ini dapat dilihat melalui binaan baris atau rangkap yang dihasilkan dalam sajak.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**INTERPRETATION OF THOUGHT AND UTTERANCE TECHNIQUES  
IN THE POEMS OF *DEWAN SASTERA***

By

**ARBA'IE BIN SUJUD**

**July 2004**

**Chairman : Hj. Ramli @`Sahari Bin Isin, Ph.D**

**Faculty : Modern Languages and Communication**

This study is conducted to view the thoughts and utterance techniques of poems in the *Dewan Sastera* around 1971 to 1999. In analyzing the poems that have been studied, the researcher uses two approaches, the literature sociology approach and the stylistic approach. The objectives of this study is to view the aspect of thoughts and utterance techniques of poems in *Dewan Sastera*.

The analysis of the poems studied are of sociocultural thoughts including the aspects of moral, belief, education, appreciation and respect , attitude and world view. From the socioeconomy perspective, the topic that is being highlighted is poverty, discrimination and development. The thoughts that are related to sociopolitics are leader and leadership, nationalism and patriotism, and also war and peace.

The analysis shows the thoughts that are being uttered by the writer in their poems, in which sociocultural, sociopolitics and socioeconomy are related to issues, phenomena and events that occur around them. Thus, there are similarities between the thoughts of the writer in their poems and the decades in which the poems are produced. This is due to the sources and backgrounds used which are almost the same.

The study on the utterance techniques focuses on four techniques. The techniques are repetition, deviancy, speech and describing techniques. The techniques are used only in certain parts or conditions of the poems. This shows that the use of certain techniques are not partial but is combined in a poem. The study shows that disregard of the techniques used produces the outer form of a poem. Superficial or visual forms can be seen in tied form, free form and concrete form. This visual form can be traced through the line structures or verses that are produced in the poems.



## PENGHARGAAN

Segala Pujian ke-Hadrat Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Selawat dan Salam Kepada Junjungan Besar Nabi Muhamad S.A.W

Penulis memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya, penulisan tesis ini dapat disempurnakan. Dalam usaha menyiapkan penulisan tesis ini, penulis telah mendapat pelbagai bantuan dan sokongan dari pensyarah, sahabat dan rakan seperjuangan yang lain terutama dalam mencetuskan idea dan sokongan yang tidak berbelah bagi.

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan tesis iaitu Dr. Ramli @ Shaari Isin, Dr. Hj. Mohd Hussein Baharuddin dan Dr. Samsina Haji Abdul Rahman yang sentiasa memberikan kerjasama dan nasihat serta pandangan yang sangat berguna.

Ucapan terima kasih khas buat mantan Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Profesor Amat Juhari Moain dan Profesor Shaik Mohd Noor Alam S.M Hussein, Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Prof. Madya Hj. Dr. Rosli bin Talif, UPM, Ketua Jabatan Bahasa Melayu, Tn. Hj. Mohd. Amin Arshad, Dato Kamaruzzaman Kadir (Dharmawijaya), Dr. Haji Abdul Rahim Marasidi, Encik Kasim Ismail, dan Tuan Haji Arbak Othman yang banyak memberikan bantuan dan sokongan dalam menyiapkan penulisan ini. Terima kasih juga ditujukan kepada pegawai dan staf

sokongan Perpustakaan Universiti Putra Malaysia yang telah memberikan pelbagai sumbangan dan buah fikiran bagi menyiapkan penulisan tesis ini.

Akhirnya, penghargaan yang tidak terhingga kepada isteri tercinta Puan Asiah bt. Abdul Rahman yang sudi membaca draf asal skrip dan menyemak semula serta anak-anak Nurul Hannis, Nurul Husna dan Nurul Hazween Ayumi atas pengorbanan, kesabaran serta kasih sayang yang tiada penghujungnya. Terima kasih juga untuk ibu tersayang, seluruh keluarga dan rakan-rakan akademia yang sentiasa memberikan galakan.

**ARBA'IE SUJUD**



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Arba'ie bin Sujud telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 14 Julai 2004 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau bertajuk "Interpretasi Pemikiran dan Teknik Pengungkapan Dalam Sajak-sajak *Dewan Sastera*" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan (1980) dan Peraturan-Peraturan Universiti Putra Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti yang berikut:

**ZAITUL AZMA ZAINON HAMZAH, Ph.D.**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**NOR AINA DANI, Ph.D.**


Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**HJ. ABDUL RAHIM MARASIDI, Ph.D.**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**DATO' MOHD. YUSOF HASAN, Ph.D.**

Profesor  
Pengarah  
Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
(Pemeriksa Luar)



**MAD NASIR SHAMSUDIN, Ph.D.**

Profesor/Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 24 AUG 2004

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah. Anggota Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut :

**HAJI RAMLI @ SAHARI ISIN, Ph.D.**  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**HAJI MOHD. HUSSEIN BIN HAJI BAHARUDIN, Ph.D.**  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**SAMSINA BINTI ABDUL RAHMAN, Ph.D.**  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)




---

**AINI IDERIS, Ph.D.**  
Profesor / Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 SEP 2004

## PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan telah diberi penghargaan di atas tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.



ARBA'IE BIN SUJUD

Tarikh : 17.8.04

## SENARAI KANDUNGAN

		Halaman
	DEDIKASI	ii
	ABSTRAK	iii
	ABSTRACT	v
	PENGHARGAAN	vii
	PENGESAHAN	ix
	PERAKUAN	xi
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI JADUAL	xvi
	SENARAI SINGKATAN	xvii
<b>BAB</b>		
<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	Latar Belakang Kajian	1
	Sejarah Perkembangan Sajak Melayu	2
	Majalah <i>Dewan Sastera</i>	20
	Pemikiran Dalam Sajak Melayu	25
	Pernyataan Masalah	33
	Kepentingan Kajian	36
	Objektif Kajian	38
	Pemilihan Bahan dan Batasan Kajian	39
	Definisi Konsep	43
	Pemikiran	43
	Teknik Pengungkapan	47
	Latar Belakang Teori Kajian	51
<b>II</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	
	Pengenalan	52
	Kajian-Kajian Berkaitan	53
	Kesimpulan	60
<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	Pengenalan	61
	Reka Bentuk Kajian	61
	Analisis Data	62
	Pendekatan Kajian	63
	Pendekatan Sosiologi Sastera	63
	Pendekatan Stilistik	70
	Kesimpulan	84

<b>IV</b>	<b>INTERPRETASI PEMIKIRAN</b>	
	Pengenalan	85
	Pemikiran tentang Sosiobudaya	85
	Moral	86
	Kepercayaan	115
	Pendidikan	130
	Penghargaan dan Penghormatan	142
	Sikap dan Pandangan Hidup	157
	Kesimpulan	161
	Pemikiran sosioekonomi	162
	Kemiskinan dan Penindasan	163
	Kesamarataan Hak	183
	Pembangunan	187
	Kesimpulan	199
	Pemikiran sosiopolitik	200
	Pemimpin dan Kepimpinan	200
	Tanggungjawab kepada Negara	208
	Patriotisme dan Nasionalisme	215
	Penjajahan dan Kemerdekaan	219
	Peperangan dan Perdamaian	225
	Kesimpulan	233
<b>V</b>	<b>INTERPRETASI TEKNIK PENGUNGKAPAN</b>	
	Pengenalan	234
	Teknik Perulangan	235
	Perulangan Rima	236
	Perulangan Baris	249
	Perulangan Kata	269
	Kesimpulan	276
	Teknik Penyimpangan	277
	Penyimpangan Bentuk	277
	Penyimpangan Bahasa	298
	Kesimpulan	330
	Teknik Tuturan	331
	Dialog	332
	Monolog	341
	Interior Monolog	350
	Kesimpulan	357

	Teknik Penceritaan	358
	Bentuk Prosaik	358
	Kesimpulan	371
<b>VI</b>	<b>RUMUSAN DAN KESIMPULAN</b>	
	Kesimpulan	372
	Penutup	382
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	383
	<b>LAMPIRAN</b>	398
	<b>BIODATA PENULIS</b>	420



**SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Kerangka Konsep Pemikiran	24
2	Kerangka Aplikasi Analisis	30
3	Model Keseimbangan Baris	230

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1	Sajak dalam <i>Dewan Sastera</i> Januari 1971 – Disember 1999	19
2	Jumlah Sajak Mengikut Dekad	21

**SENARAI SINGKATAN**

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
<i>DS</i>	<i>Dewan Sastera</i>
ASAS 50	Angkatan Sasterawan 50
DEB	Dasar Ekonomi Baru
S.A.W	Salallahu Alaihi Wassalam
S.W.T	Subhanahu Wa Taala
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia

# BAB I

## PENDAHULUAN

### Latar Belakang Kajian

Sajak Melayu mempunyai sejarah perkembangannya yang tersendiri. Bermula dengan tersiarnya sajak “Di Tengah Segara” oleh Muhammad Yasin Maamor atau Pungguk dalam *Majalah Guru* pada 12 Disember 1933 hingga kini para penyair terus menerus melahirkan sajak manakala para pengkaji sastera pula, khasnya pengkaji puisi tidak berhenti-henti untuk terus mengkaji dan membicarakan sajak dalam pelbagai aspek. Perbincangan secara terbuka seperti forum, seminar, dan bengkel sajak giat diadakan sama ada di institusi pengajian tinggi, persatuan-persatuan penulis dan oleh pusat kegiatan seni. Bahkan sumber-sumber dalam bidang persajakan turut menjadi bahan penelitian dan perbincangan kepada para pengkritik melalui tulisan-tulisan yang disiarkan di akhbar, majalah, kertas kerja mahupun melalui penulisan ilmiah.

Dalam membicarakan perkembangan puisi moden atau sajak di Malaysia dasarnya akan merujuk kepada period atau zaman tertentu. Secara umumnya period atau zaman itu dapat dibahagikan kepada dua. Period yang pertama ialah period sebelum merdeka iaitu bermula dari tahun 1933 hingga tahun 1956. Dalam period yang pertama ini menyentuh period sebelum Perang Dunia Kedua (1933-1941), Zaman Pemerintahan Jepun (1942-1945), Zaman Selepas Pemerintahan Jepun (1946-1949) sehingga tahun-tahun 1950-an. Period yang kedua pula ialah period selepas merdeka iaitu selepas tahun 1957. Walaupun begitu, dua period atau zaman yang ditentukan itu bukanlah rigid

sifatnya. Period atau zaman tersebut merupakan skop atau landasan untuk lebih terarah sesuatu perbincangan berkaitan perkembangan puisi moden atau sajak. Hal ini seperti yang diperlihatkan oleh Dharmawijaya (1989:12) yang membahagikan kepada lima period atau zaman dalam membicarakan perkembangan puisi Melayu moden tahun 1942-1979. Walaupun begitu, period atau zaman yang dijadikan asas perbincangan oleh beliau itu masih dalam ruang atau kerangka yang sama. Cuma yang berbeza adalah dari segi pendekatannya sahaja.

### **Sejarah Perkembangan Sajak Melayu**

Dari segi sejarahnya, Harun Amin al-Rashid yang menciptakan sajak “Oh Sarikoe” (*Poedjangga Baroe*;1933) dikesani sebagai bentuk sajak Melayu moden pertama ditulis oleh penulis Melayu. Melalui bentuk karya kreatif imaginatif seperti sajak ini penulis mengadun pemikiran, isu dan persoalan yang timbul dalam masyarakat secara kreatif dengan menggunakan medium bahasa sebagai wahana untuk dihayati dan direnung tafsir oleh khalayak pembaca. Berasaskan perimis tersebut, perkembangan sajak sepanjang period 1933-1941 yang dikategorikan sebagai zaman sebelum Perang Dunia Kedua menampakkan bahawa golongan guru Melayu di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) memainkan peranan penting dalam penulisan sajak. Pelopor penulisan sajak ini ialah Pungguk dengan sajaknya “Di Tengah Segara” yang disiarkan dalam *Majalah Guru* Jld.10.12, Disember 1933 sewaktu beliau menjadi ketua pengarang dalam majalah tersebut (Kamaruzzaman Kadir;1987:40). Kemudian, dalam majalah

yang sama pada Mac 1934, tersiar pula lima buah sajaknya yang berjudul “Keluh Kesah”, “Selalu Merayu”, “Tak Disangka-sangka”, “Pujukan Hati” dan “Ibuku”.

Sumbangan Pungguk dalam penulisan sajak khususnya menerusi karya-karya yang telah tersiar dalam *Majalah Guru*, ternyata berhasil memberi impak dan rangsangan kepada penulis-penulis lain untuk menghasilkan sajak. Ini terbukti apabila pada tahun-tahun berikutnya muncul nama-nama seperti Abu Samah (Abu Samah Potot), Akil, Danial Din, Debab Pahang, Muhammad Taib dan Yusof Arshad yang menyumbang karya mereka dalam *Majalah Guru*. Sementara nama-nama seperti Chintati (Muhammad Yusof Awang), Kasmani Haji Arif, Ngumba (Embong Yayha), Mashor Malaya (Shahrom Hussin dan Somos (Fadzil Somos) menyumbang karya mereka dalam akhbar *Warta Ahad* dan majalah *Idaman*.

Sepanjang period 1933 – 1941 banyak sajak yang dihasilkan mengungkap atau mendokong suara penulisnya. Penyuaran rasa penulis terjelma berasaskan lontaran pemikiran yang didorong oleh pengaruh dan pengalaman yang dilalui oleh mereka. Justeru pada period ini, ditemukan pemikiran penulis yang lebih mengarah kepada aspek sosial dengan mengungkapkan tema dan persoalan berkaitan dengan moral dan pendidikan. Ini dapat dilihat dengan kecenderungan pihak majalah khususnya *Majalah Guru* dan akhbar menyiarkan sajak-sajak yang memunculkan pemikiran sedemikian itu. Hal ini dikaitkan dengan pendukung majalah tersebut adalah dari kalangan guru-guru yang sentiasa pasrah terhadap tanggungjawab untuk mendidik, mengajar dan memberi teguran walau dalam apa juga situasi. Justeru, berkaitan dengan pendidikan dan moral

ini ditemukan nada-nada yang bersifat mengajar dan memimpin (Ali Ahmad ;1991: 23). Antaranya dalam sajak “Oh Perawan” ciptaan Yusof Ahmad (*Majalah Guru*;1941) yang menyeru agar perawan-perawan memberi tumpuan terhadap pelajaran dan tidak membuang masa. Mereka yang lupa dan lali akan tergolong dalam kalangan orang-orang yang rugi. Begitu juga dalam sajak “Pelayaran Hidup” (*Majalah Guru*;1941), menyentuh tentang ketinggian nilai dan harga ilmu serta “Lautan Ilmu” ciptaan Abu Samah (*Majalah Guru*;1941) berkaitan dengan perjuangan dan cabaran dalam menuntut ilmu.

Di samping, penyuaran dalam bidang pendidikan, turut ditemukan gesaan penyair kepada golongan muda mudi supaya sentiasa menjaga dan memelihara harga diri, taat dan berbakti kepada ibu bapa, serta hidup bersatu. Penyuaran rasa penyair ini terakam dalam sajak “Persatuan” (*Majalah Guru*;1941) karya Yusof Arshad yang menggunakan analogi semut sebagai lambang perpaduan dan permufakatan. Manakala Arsino A. Rahman dalam sajaknya bertajuk “Bukannya Kekal” (*Majalah Guru*;1941) menggambarkan kekesalan diri apabila sewenang-wenang memilih kawan yang akhirnya merugikan diri sendiri. Hal sama turut diungkapkan oleh Jaafar Awang melalui sajaknya “Mungkir Janji” (*Majalah Guru*;1941).

Selain itu, sajak turut dijadikan oleh penyair sebagai wadah melahirkan perasaan. Hal ini dikaitkan dengan sifat sajak sebagai puisi moden yang terbina daripada gubahan kata-kata terpilih sebagai mewakili suara penyairnya. Dengan demikian bermakna sesuatu yang dihasilkan melalui sajak adalah refleksi daripada pengalaman atau fenomena pada waktu itu. Justeru, pada awal kemunculan perkembangan puisi Melayu

moden, ditemukan sajak-sajak yang berfokus kepada persoalan-persoalan seperti kasih sayang muda mudi, cinta, rindu dendam, keluh kesah dan introspeksi diri. Namun, yang paling dominan, berkaitan dengan soal cinta dan kasih sayang. Keadaan ini dikaitkan dengan latar penyair pada waktu itu yang kebanyakannya pernah mengalami pengalaman seperti itu. Ini terlihat dalam kelima-lima sajak yang dihasilkan oleh Pungguk berkaitan dengan soal kasih sayang. Empat daripadanya berhubung dengan kasih sayang antara teruna dan dara manakala sebuah lagi berkaitan kasih sayang terhadap ibu dalam sajaknya "Ibu". Namun fokus dan inti pemikiran Pungguk dalam kelima-lima sajak yang ditulisnya itu, berdasarkan pertimbangan sosial dengan mengungkapkan persoalan kasih sayang antara sesama insan.

Dalam period awal perkembangan sajak, turut dikesani pemikiran penyair berhubung aspek politik. Walaupun secara umumnya, penyuaran aspek ini tidaklah begitu lantang atau radikal sifatnya tetapi merupakan luahan penyair berasaskan gerak kesedaran fenomena yang berlaku pada waktu itu. Hal ini dapat dikesan dengan terhasilnya sajak-sajak yang bernada nasionalisme yang membawakan persoalan cinta tanah air, nasib bangsa dan semangat perjuangan. Pernyataan tersebut terungkap dalam sajak-sajak "Bisikan Sukmaku", "Pernyataan Sukma", "Apalah Nasib Bangsaku", "Ayuhai!Malaya Watanku", "Hatiku Bimbang", "Bangun dan Sedar", "Ku!Terkenangkan" dan "Rayuan Tanahairku" (Kamaruzzaman Abd. Kadir ;1987:44). Kebanyakan sajak-sajak yang dihasilkan ini, disiarkan dalam akhbar mingguan *Warta Ahad*, sebuah akhbar yang menyiarkan rencana-rencana berkaitan dengan politik, kemasyarakatan serta perjuangan-perjuangan yang berlaku di luar negara.



Dalam sajak “Bisikan Sukmaku” ciptaan Ahmad Ismail menggambarkan secara nyata pernyataan kesedaran dengan terungkapnya kalimat kebangsaan yang dirujuk kepada orang-orang Melayu supaya menyedari tentang nasib bangsanya yang terhimpit dan mundur berbanding dengan kaum-kaum lain. Rasa curiga dan cemburu ini timbul apabila melihat kesenangan yang dikecapi oleh orang-orang Cina dan India yang dianggap sebagai bangsa mendatang. Justeru, mesej sajak tersebut ialah menyeru supaya tersemat di jiwa setiap orang Melayu semangat kesatuan yang kukuh serta berusaha dengan gigih untuk mencapai kejayaan pada masa akan datang.

Faktor perbezaan ekonomi antara kaum turut membentuk perbezaan corak kehidupan. Fenomena ini, menjadi dasar kepada penulis menterjemah pemikiran mereka melalui sajak sebagai mewakili pernyataan mereka. Dalam hal ini, Abdul Rahman Zainuddin dalam sajaknya “Bangun dan Sedar” secara jelas memperlihatkan perbezaan taraf hidup antara orang-orang Melayu dengan bangsa pendatang. Dalam waktu yang sama penulis melihat hal ini disebabkan sikap bangsa Melayu sendiri yang tidak mahu mengambil peluang. Hal ini disuarakan pula oleh Puspa Ragam dalam sajaknya “Hatiku Bimbang”. Jelasnya, sajak-sajak yang membawa persoalan kemiskinan, punca kemunduran masyarakat Melayu, kemewahan bangsa lain telah menimbulkan kesan kesedaran dan semangat kebangsaan. Walaupun begitu, bentuk penyuarasaan dan kesedaran itu tidak sampai mencetuskan sentimen perkauman yang tinggi sehingga menyebabkan berlakunya kekecohan yang tidak diinginkan.